

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/1/2013

Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia

2 syarikat minat labur RM5.5b

UM-26/1/2013

Mohd. Ridzwan Iman

Melaporkan dari
DAVOS, SWITZERLAND



DAVOS 25 Jan. - Dua syarikat dari Jepun dan Jerman telah menyatakan minat mereka untuk membuat pelaburan kira-kira RM5.5 bilion di Malaysia bagi melaksanakan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, komitmen itu dinyatakan oleh Pengerusi Itochu Corp., Eizo Kobayashi dan Ketua Pegawai Eksekutif Evonik Industries AG, Klaus Engel dalam pertemuan mereka sempena menghadiri Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF).

"Hari ini, saya bertemu dengan beberapa pemimpin syarikat multinasional yang menunjukkan minat mereka untuk melabur di Malaysia," katanya pada sidang akhbar mengenai program hari pertamanya di WEF di sini, malam tadi.

Najib yang dalam rangka lawatan kerja selama empat hari kerana menghadiri WEF berkata, syarikat Itochu telah menyatakan komitmen mereka untuk melakukan kerjasama dengan Petronas dalam bidang petrokimia di Malaysia.

"Rancangan itu hampir menjadi kenyataan dan ia akan memberi kesan kepada perkembangan projek RAPID, Pengerang. Selain itu, mereka berminat untuk membina kilang paip bersepadu untuk industri minyak dan gas," katanya.

Beliau berkata, pemimpin syarikat Evonik Industries dari Jerman yang ditemuinya juga menyatakan rancangan mereka me-



NAJIB Tun Razak bersama James M. Flaherty pada perbincangan kerjasama dua hala sempena Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, semalam. - BERNAMA

nubuhkan syarikat kerjasama dengan Petronas di Pengerang.

"Projek ini telah dipersetujui secara prinsipnya dan dalam tempoh setahun ini mereka akan menjalankan kajian secara lebih terperinci dan kerja-kerja akan dimulakan pada 2014," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau turut mengadakan perjumpaan dengan Hanwha Group yang

telah mengambil alih syarikat Qcell untuk mengeluarkan sistem dan rumusan photovoltik.

"Ia dalam bentuk pelaburan mengambil alih terhadap syarikat sedia ada tetapi mereka akan memberi fokus kepada kerja-kerja pembangunan dan penyelidikan (R&D).

"Saya percaya mereka akan menambah pelaburan mereka pada masa akan datang, di sam-

ping itu mereka juga berminat untuk melabur dalam syarikat pengurusan aset, dalam bidang pembinaan dan juga berminat membeli syarikat terlibat dalam insurans nyawa," katanya.

Katanya, antara pemimpin negara yang ditemui hari ini ialah Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte dan Menteri Kewangan Kanada, James M. Flaherty.

"Dalam pertemuan dengan

Perdana Menteri Belanda, kami melihat bagaimana potensi Belanda sebagai sebuah negara kecil yang mampu menjadi pengeluar bunga dan hasil pertanian terbesar dunia," katanya.

Najib berkata, perbincangan juga menyentuh mengenai minat negara untuk menarik sebuah bank pertanian di Belanda, Rabobank beroperasi di Malaysia.

- UTUSAN